

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>: BUKAN LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>: TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]</b>

**SOALAN NO. 43**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan mengambil guru baru dari hasil graduan bidang pendidikan untuk mengendali subjek kritikal seperti BM dan BI yang dikatakan masih kekurangan guru.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perancangan pengambilan guru baharu seperti mana juga perkhidmatan awam lain bergantung kepada bilangan kekosongan. Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan meneruskan pengambilan guru berdasarkan keperluan dan unjuran perjawatan dan opsyen mata pelajaran dari semasa ke semasa.

Dalam hubungan ini, untuk tahun 2019, sehingga kini sejumlah 1,176 graduan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah ditempatkan di sekolah rendah seluruh Malaysia pada 22 Januari 2019 dan 1,687 graduan universiti awam pelbagai opsyen telah ditempatkan di sekolah menengah pada 18 Februari 2019. Bagi mengatasi kekurangan guru untuk subjek kritikal seperti Bahasa Inggeris yang tidak dapat diisi oleh graduan pendidikan daripada IPGM dan universiti awam, KPM telah melaksanakan urusan pengambilan guru daripada graduan bukan pendidikan yang memenuhi kriteria secara lantikan interim. Guru-guru interim ini perlu mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk mendapat kelayakan ikhtisas sebelum dipertimbangkan pelantikan tetap sebagai guru di KPM. RT03/43